

- I. Arli, D., & Cadeaux, J. (2014). Drivers of corporate community involvement and challenges in measuring its impact. *Social Responsibility Journal*, 10(1), 161–183. doi:10.1108/SRJ-10-2012-0116
- Kellermanns, F.W., Walter, J., Lechner, C. and Floyd, S.W. (2005), "The lack of consensus about strategic consensus: advancing theory and research", *Journal of Management*, Vol. 31 No. 5, pp. 719-37.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- López, O. S. (2013). Creating a sustainable university and community through a Common Experience. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 14(3), 291–309. doi:10.1108/IJSHE-11-2011-0073
- Melé, D., & Mammoser, T. L. (2011). Humanistic corporate community involvement: Walgreens/MEF One-On-One program. *Journal of Management Development*, 30(6), 582–593. doi:10.1108/0262171111135189
- Millican, J., & Bourner, T. (2011). Student-community engagement and the changing role and context of higher education. *Education + Training*, 53(2/3), 89–99. doi:10.1108/0040091111115645
- Susan Allen-Gil, Walker, L., Thomas, G., Shevory, T., and Shapiro, E. 2005. "Forming a community partnership to enhance education in sustainability." *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 6(4):392-402.

## PENGLIBATAN IBU TUNGGAL DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN DI SHAH ALAM, SELANGOR, KAJIAN AWAL.

Umi Kalthom Abdullah, Zuliana Zainal Abidin, Sakdiah Md Amin.

Jabatan Perdagangan  
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
[umikalthom@psa.edu.my](mailto:umikalthom@psa.edu.my), [zuliana@psa.edu.my](mailto:zuliana@psa.edu.my), [sakdiah@psa.edu.my](mailto:sakdiah@psa.edu.my)

### Abstrak

Kajian awal berbentuk kualitatif ini dijalankan bagi tujuan mengkaji aktiviti keusahawanan dalam kalangan ibu tunggal di Shah Alam, Selangor. Aspek-aspek yang menjadi fokus kajian ialah mengenal pasti faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan di Shah Alam. Selain itu faktor-faktor yang menyokong kepada kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan secara kecil-kecilan di sekitar Shah Alam juga dikaji. Sistem sokongan yang sediada yang membantu golongan ibu tunggal serta keadaan ekonomi ibu tunggal di sekitar Shah Alam dikaji bagi mengetahui latar belakang kedudukan dari sudut kewangan golongan ibu tunggal di sekitar Shah Alam.

Kata Kunci: Ibu tunggal, Keusahawanan

### 1.0 Pengenalan

Masyarakat Melayu secara tradisinya menganggap wanita itu berperanan bukan sahaja menguruskan urusan rumah tangga dari dapur sehingga kepada pendidikan anak-anak. Mereka menyandang gelaran bukan setakat sebagai ibu, isteri, dan anak kepada ibu bapa dan mertua malah mereka merupakan tunjang utama dalam membina generasi muda Malaysia yang penyayang, proaktif dan progresif di masa hadapan. Golongan wanita dianggarkan seramai 14,633 juta orang iaitu 48.6 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia yang seramai 30.098 juta orang, sejumlah 52.7 juga menyertai pasaran tenaga buruh (Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2014), ini bermakna wanita merupakan golongan yang mempunyai potensi yang besar di dalam menyumbang kepada kepesatan daya saing dalam pembangunan ekonomi negara.

Keupayaan golongan wanita semakin tercabar apabila ditinggalkan atau diceraikan oleh suami. Mereka berhadapan dengan persekitaran hidup yang memerlukan penglibatan aktif dari mereka terutama untuk membesarakan anak-anak tanpa suami atas sebab diceraikan atau kematian suami. Golongan ibu tunggal perlu mengharungi cabaran-cabaran yang global sehingga mendorong mereka melibatkan diri dalam perniagaan demi kelangsungan hidup dan menyara anak-anak yang masih memerlukan perhatian dan sokongan.

Nasib ibu tunggal semakin mendapat perhatian pihak yang bertanggungjawab untuk membantu golongan ibu tunggal seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), telah memperuntukkan skim bantuan kewangan kepada golongan ibu tunggal demi membantu memperkuuhkan institusi kekeluargaan agar mereka boleh berdikari dan meneruskan kehidupan dengan sempurna.

Pusat zakat juga memainkan peranan untuk membantu golongan ibu tunggal, dengan menyalurkan wang zakat untuk membantu ibu tunggal serta anak-anak bawah tanggungan ibu tunggal tersebut. Bantuan modal dari wang zakat disalurkan kepada golongan asnaf termasuk ibu tunggal yang memenuhi kriteria penerima zakat. Ibu tunggal yang kematian suami terpaksa menanggung anak-anak yatim dan lebih menyayat hati sekiranya tiada harta yang ditinggalkan oleh suami untuk meneruskan kehidupan. Lembaga Zakat Selangor telah menyalurkan bantuan modal bermula dari tahun 2003 hingga kini. Manakala dalam tahun 2005 satu Jabatan Pembangunan Asnaf (JPA) telah dibentuk untuk memastikan program keusahawanan memenuhi keperluan asnaf (Asnaf 2007). Selain itu persatuan ibu-ibu tunggal yang dikendalikan oleh organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO), memberi sokongan moral dan kewangan dalam membantu ibu tunggal memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Maka kertas konsep ini merupakan kajian awal untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong ibu tunggal yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan bagi memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan mereka setelah ketiadaan suami.

### 1.1 Pernyataan masalah

Ibu tunggal terpaksa menempuh cabaran liku-liku kehidupan seperti dipandang serong oleh masyarakat, tanggungjawab terhadap keluarga semakin bertambah, peningkatan kos hidup, hubungan sosial yang kian renggang dengan masyarakat setempat disamping mereka terpaksa menanggung anak-anak yang masih kecil, pendidikan anak-anak atau kerohanian anak-anak yang adakalanya mengugat kesabarannya mereka. Keadaan ini akan bertambah sulit sekiranya mereka tiada pekerjaan tetap dan suami tiada meninggalkan harta atau kewangan yang mencukupi. Bagi sesetengah golongan ibu tunggal lazimnya akan memilih bidang perniagaan sebagai jalan penyelesaian dalam mengharungi cabaran-cabaran tersebut.

Latar belakang individu juga menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji keusahawanan terdahulu. Beberapa pembolehubah telah dikaitkan dengan faktor menjadi usahawan iaitu termasuklah jantina, umur, pendidikan, tempat tinggal, taraf perkahwinan, kedudukan dalam keluarga, galakan dari luar, bidang pekerjaan yang lepas dan pengalaman kerjaya yang lepas. (Petrof, 1981). Di sini pengkaji melihat bahawa taraf perkahwinan yang terburuk disebabkan penceraian dan kematian, adakah akan mendorong ibu tunggal melibatkan diri dalam perniagaan. Menurut Frank, Weber, (1930) dan T. Cochran (1965) penekanan kepada *subgroup* yang bersifat reaktif apabila mengalami beberapa perubahan, antaranya ialah apabila mereka mengalami pengiktirafan yang rendah atau apabila mereka dihalang dari memasuki rangkaian sosial yang penting. Maka ini membuktikan bahawa sikap reaktif tersebut boleh mewujudkan gerak laku yang berorientasikan keusahawanan.

Berdasarkan sumber dari Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat seramai 235,240 orang iaitu 1.7% daripada jumlah penduduk Malaysia adalah terdiri daripada golongan ibu tunggal. Statistik ini adalah berdasarkan bancian penduduk yang dibuat pada tahun 2010. Rintihan ibu tunggal dalam mengharungi hidup seorang diri untuk menyara keluarga telah didengari oleh pihak-pihak kerajaan dan NGO. Ekoran itu, pelbagai program telah dilaksanakan bagi membantu ibu tunggal menghadapi cabaran menanggung keluarga secara bersendirian. Antara program yang telah diperkenalkan adalah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), Program Jejari Bestari dan Program Kraf Kreatif oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Pelbagai kemudahan dan bantuan telah diberikan dalam bentuk kewangan dan kemudahan peralatan namun bilangan usahawan bumiputera termasuk ibu tunggal yang gagal dalam bidang perniagaan masih tinggi (Usahawan Sukses, 2001). Permasalahan ini berlaku berkemungkinan usahawan ibu tunggal ini kurang kuat untuk berdaya saing bersama peniaga lain. Ibu tunggal alaf kerajaan bukanlah jaminan terhadap kejayaan seseorang peniaga sebaliknya sikap dan nilai diri merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan (Usahawan Sukses, 2000).

### 1.2 Tujuan kajian

Kertas konsep ini adalah kajian awal untuk mengkaji faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan di Shah Alam, Selangor. Kajian awal ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan.

Tujuan awal kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan di Shah Alam, Selangor. Di samping itu, pengkaji juga dapat mengenal pasti profil perniagaan ibu tunggal, faktor-faktor kejayaan dan kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan di sekitar Shah Alam. Kertas konsep ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmanakah ibu tunggal menghadapi cabaran-cabaran hidup dengan melibatkan diri di dalam keusahawanan atau perniagaan kecil-kecilan.

### 1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengenalpasti faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan atau perniagaan kecil-kecilan.
- 2) Mengenalpasti faktor-faktor kejayaan dalam bidang keusahawanan atau perniagaan kecil-kecilan.
- 3) Mengenalpasti faktor-faktor kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan atau perniagaan kecil-kecilan.
- 4) Menganalisa sistem sokongan ibu tunggal di Shah Alam, Selangor
- 5) Menganalisa faktor ekonomi ibu tunggal di Shah Alam, Selangor.

### 1.4 Persoalan kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Apakah faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang perniagaan?
- 2) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan?
- 3) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kegagalan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan?
- 4) Apakah bentuk sistem sokongan yang diberikan oleh pihak berautoriti kepada golongan ibu tunggal?
- 5) Apakah faktor ekonomi ibu tunggal di Shah Alam?

### 2.0 Kajian Kepustakaan

#### 2.1 Ibu tunggal

Wanita yang kehilangan suami samada diceraikan atau kematian suami digelar wanita ketua isi rumah wanita (KIR) atau ibu tunggal dan menjadi ketua keluarga apabila berusaha untuk menyara kehidupan sendiri dan juga anak-anak. Seseorang wanita ditakrifkan ibu tunggal atau wanita ketua isi rumah sekiranya:

- 1) Wanita yang kematian suami dan sedia meneruskan tugas membesar anak-anak.
- 2) Wanita yang telah bercerai dengan suami dan diberi hak penjagaan atas anak-anaknya.
- 3) Wanita yang tidak diberi nafkah oleh suami untuk menyara hidupnya dan anak-anaknya.
- 4) Wanita yang berada di dalam proses penceraian yang mungkin akan mengambil masa yang panjang.
- 5) Suami uzur dan tidak mampu menyediakan nafkah dan memerlukan penjagaan rapi.
- 6) Wanita yang membesar anak orang lain tanpa pertolongan suami.

(Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, 2011)

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), ibu tunggal mempunyai tiga pengertian. Pertama, ibu yang telah diceraikan secara hidup atau mati dan masih menanggung anak. Kedua, seorang isteri yang menjadi ketua keluarga untuk mencari nafkah serta menanggung suami yang tidak berupaya untuk bekerja disebabkan sakit dan mempunyai anak masih dalam tanggungan. Ketiga, wanita yang belum berkahwin tetapi mempunyai anak angkat atau anak tidak sah taraf.

#### 2.2 Keusahawanan

Morrison (2000), menyatakan bahawa keusahawanan berpuncak daripada gerak hati dan dalam diri seseorang itu sendiri, masyarakat serta budaya. Ia merupakan sesuatu yang lebih penting berbanding fungsi mudah ekonomi serta mewakili satu gabungan material dan bukan material, pragmatisme dan idealisme. Asas keusahawanan merujuk kepada pengaplikasian proses inovasi serta penerimaan terhadap suatu fungsi menanggung risiko, berorientasikan perubahan terhadap kedua-dua aspek sosial dan ekonomi. Ringkasnya, hasil daripada inovasi tersebut akan memberikan kesan yang positif.

Barjoyai Bardai (2000) pula menyatakan bahawa keusahawanan merujuk kepada sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan.

Menurut Ab. Aziz (2000) pula, keusahawanan merupakan aktiviti yang unik yang dijalankan secara bersendirian atau berkumpulan sebagai satu kerjaya atau mempunyai matlamat lain yang tersendiri. Bagi menjayakan matlamat ini, usahawan perlu menggabungkan aset ketara (*tangible*) seperti modal, kemudahan fizikal, teknologi maklumat dengan aset tidak ketara (*intangible*) iaitu jaringan dengan pelanggan, pembekal, peminjam, pengedar, pekerja, pemasar, pesaing dan pihak-pihak lain yang ada kaitan dengan perniagaan yang dijalankan.

Kajian awal ini mendefinisikan ibu tunggal sebagai golongan wanita yang ketiadaan suami bersama mereka dalam membantu pengurusan rumah tangga akibat dari kehilangan suami berpunca dari penceraian atau kematian. Ibu tunggal juga didefinisikan sebagai wanita yang ketiadaan tempat bergantung untuk meneruskan kelangsungan hidupnya bersama anak-anak mereka samaada anak kandung dari pasangannya, anak tiri atau anak angkat semasa mereka bersama sebelum berlaku penceraihan akibat kematian atau perselisihan faham maka terputus jodoh mereka dengan pasangan mereka.

Pengkaji mendefinisikan keusahawanan sebagai usaha ibu tunggal menceburkan diri dalam bidang pembuatan dalam bidang-bidang perkhidmatan atau barang sebagai mata pencarian mereka. Usahawan dalam kajian ini adalah merujuk kepada ibu tunggal yang dibimbing oleh pihak-pihak berauthoriti untuk memajukan diri mereka samaada mereka kacipta atau berjualbeli.

Pelbagai pihak seperti agensi zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, pengkaji-pengkaji, ahli-ahli psikologi dan pekerja sosial menyumbang kepada pengkajian asas mengenai ibu tunggal. Menurut kajian yang dijalankan oleh (Thuaibah et.al, 2004) faktor utama kegagalan ibu tunggal dalam perniagaan adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan tentang teknik-teknik penjualan dan pemasaran.

Tee Kee Pei (2000) pula dalam kajiannya mendapati bahawa usahawan wanita mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi, terdapat hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dan faktor motivasi dengan motivasi pencapaian usahawan wanita yang terlibat dalam bidang keusahawanan.

Hasil dapatan kajian Salmah (2003) mengenai kemampuan usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan di bandar Seremban, Negeri Sembilan mendapati bahawa faktor sikap dan etika perniagaan berada di tahap yang tinggi dalam mempengaruhi usahawan bumiputera mengembangkan perniagaan diikuti dengan faktor ilmu pengetahuan, persaingan dan modal.

Kajian seterusnya telah dijalankan oleh Nurulwahida (2000) di Pekan Rabu, Kedah merumuskan hasil kajiannya mendapati bahawa personaliti adalah aspek yang banyak membantu usahawan untuk menghadapi persaingan diikuti dengan pengalaman pengurusan perniagaan dan penggunaan maklumat yang baik. Manakala Zuraini (2000) dalam objektif kajiannya mendefinisikan faktor pengetahuan yang dimiliki, sikap usahawan itu sendiri, motivasi diri usahawan untuk berjaya, modal dan barang yang digunakan serta etika perniagaan yang diamalkan. Hasil kajiannya mendapati kesemua faktor yang dikaji mempengaruhi kemampuan usahawan bumiputera untuk maju. Dapatan kajiannya, juga menunjukkan bahawa program latihan serta kursus yang dijalankan mesti menitikberatkan keupayaan dan kesanggupan para usahawan untuk menghadirinya.

Nor Shazwani Adha binti Ya (2008) pula mengkaji faktor-faktor penglibatan ibu tunggal Melayu dalam bidang perniagaan di Bachok, Kelantan. Kajian mendapati faktor ekonomi keluarga, minat dan pengalaman memainkan peranan yang penting mempengaruhi penglibatan mereka dalam bidang perniagaan. Kajiannya juga mendapati ibu tunggal tersebut cenderung terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman serta kain pakaian.

Menurut Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Mengikut Bidang yang dikeluarkan oleh Yayasan Pembangunan Wanita pada tahun 2003, golongan wanita yang terlibat dalam bidang perniagaan dan keusahawanan samada di bandar atau di luar bandar sering menghadapi masalah seperti kurang mendapat latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan, peluang yang terhad untuk mendapat pinjaman dan kemudahan kredit, masalah eksplotasi, kurang pengetahuan tentang peluang perniagaan dan kurang mendapat peluang perniagaan.

Rabiatul (2010) mendapati bahawa sebagai pencari rezeki yang tunggal, sumber pendapatan ibu tunggal biasanya adalah kecil. Tambah memeritkan lagi bagi ibu-ibu tunggal yang tidak

berpendidikan tinggi. Sekiranya mereka bernaafas di tengah kota besar, mereka terpaksa menjadi penghuni di rumah-rumah setinggan untuk menjimatkan perbelanjaan.

Mengusahakan perniagaan sendiri boleh dianggap jalan selamat bagi ibu tunggal untuk menampung kehidupan keluarga terutama bagi mereka yang tidak bekerja. Malah telah terbukti ramai ibu tunggal yang mencari rezeki dengan bermiaga berjaya mengharungi kehidupan biarpun banyak halangan dan cabaran yang dihadapi (Thuaibah et.al, 2004).

## 2.2 Teori dan Model

### Elemen Dalam Rangka Kerja Model

Persekutuan	Organisasi	Individu	Proses
Keperluan undang-undang	Kepimpinan	Kemahiran	Keluaran barang atau perkhidmatan
Infrastruktur	Objektif	Latihan	Keputusan benar atau salah
Perkhidmatan sokongan	Rangkaian	Pendidikan	Keuntungan
Budaya sosial	Sokongan nasihat	Motivasi	Aktiviti pembelajaran
Penawaran buruh		Pengalaman	
Sumber		Kepuasan Kerja	
Populasi			

Sumber : Nor Aishah (2006)

Jadual di atas menunjukkan elemen dalam rangka kerja Model Pembangunan Usahawan. Terdapat empat elemen penting iaitu elemen persekitaran, organisasi, individu dan proses yang menyumbang kepada pembangunan dalam bidang keusahawanan.

### Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Individu Untuk Menjadi Usahawan

Faktor Luaran	Faktor Motivasi	Faktor Diri
a. Berpindah atau berhijrah	Untuk menambah wang	Jantina
b. Diberhentikan kerja	Untuk menjadi ketua	Ras etnik
c. Tempat bekerja ditutup	Untuk merasai kebebasan	Umur
d. Terdapat perubahan organisasi	Untuk mempunyai satu kerjaya	Tahap pendidikan
e. Tidak mahu ditukarkan kerja ke tempat lain	Untuk dihormati	
f. Baru berhentik kerja atau selesai belajar	Melihat ada peluang bermiaga	
g. Baru bercerai	Untuk mendapatkan cabaran dan kepuasan peribadi	
h. Umur meningkat	Kerja sebelumnya tidak menjamin kemajuan	
i. Dipengaruhi kawan	Perniagaan ini sesuai dengan diri	
	Ada kawan memberi pinjaman wang	
	Telah ada pelanggan yang menggalakkan diri untuk bermiaga	
	Jemu dengan kerja dahulu	
	Mahu kan lebih keselamatan untuk keluarga	

Sumber : Zaidatol (2004)

Jadual di atas menunjukkan bahawa faktor luaran, faktor motivasi dan faktor diri adalah faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk terlibat dalam bidang keusahawanan.

**3.0 Metodologi kajian**

Rekabentuk kajian yang digunakan bagi kajian ini nanti adalah dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif. Menurut Chau Yan Piaw (2011), kaedah pengumpulan data penyelidikan kualitatif yang sering digunakan termasuk temubual tidak berstruktur, pemerhatian dan soal selidik berbentuk esei. Analisa dokumen adalah proses dari pengumpulan data kajian melalui penyelidikan, penyiasatan, pemeriksaan, pencerakinan dan penganalisaan terpeincian yang dibuat terhadap bahan bertulis yang berkaitan dengan perkara yang dikajikan. Kawasan kajian adalah sekitar Shah Alam terhadap golongan ibu tunggal yang mendaftar sebagai peniaga dengan Persatuan Perniagaan Ibu Tunggal Shah Alam.

**4.0 Perbincangan dan Kesimpulan**

Kajian ini nanti akan membincangkan hasil dapatan secara kualitatif bagaimana ibu tunggal ini mengadaptasikan kehidupan mereka tanpa suami untuk menjalani kehidupan menyara dan menanggung ahli keluarga mereka. Kajian ini akan melihat apakah faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan secara kecil-kecilan dan mengenal pasti faktor-faktor kejayaan dan kegagalan mereka dalam bidang keusahawanan kecil-kecilan di Shah Alam, Selangor dan menganalisa faktor ekonomi ibu tunggal serta bagaimana pihak berautoriti membantu mereka dalam pengurusan perniagaan mereka. Melalui kajian ini juga, diharapkan terdapat program-program intervensi untuk tambah nilai kehidupan ibu-ibu tunggal.

**Rujukan:**

- Ab. Aziz Yusof (2000). "Usahawan Dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga". Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.  
 Asnaf(2007), Lembaga zakat Selangor(MAIS).  
 Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan dan Perniagaan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Chua.Y.P.(2011). Kaedah Penyelidikan Edisi kedua. Malaysia : Mc Graw Hill.  
 Kuehl, C. K dan Lambing, P. (2000). "Entrepreneurship". Edisi Ketiga. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall.  
 Morrison, A. (2000). "Entrepreneurship: What Triggers It?" *International Journal of Entrepreneurial Behavior and Research*.6.59  
 Nor Aishah Buang (2006). Asas Keusahawanan . Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
 Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad (2011). Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Agihan Bantuan Modal Zakat.  
 Salmah bt. Hj. Yaacob (2003). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Ushawan Bumiputera Mengembangkan Perniagaan di Bandar Seremban, Negeri Sembilan. " Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.  
 Tee Kee Pei (2000). "Kajian Penerokaan Terhadap Faktor Yang Mendorong Wanita Mencebur Dalam Bidang Keusahawanan." Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.  
 Thuaibah@Suaibah et. all (2004). Aktiviti Keusahawanan Di Kalangan ibu tunggal di negeri Johor.  
 Zaidatol Akmaliah Lope Pihie and Habibah Elias. (2004). Keusahawanan dan Motivasi Diri.  
 Serdang: Penerbit UPM  
 Zuraini bt Zakaria (2000), "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemampuan Usahawan Bumiputera di Kawasan Sungai Petani, Kedah Dalam memajukan Perniagaan Mereka." Universiti Teknologi Malaysia, Projek Sarjana Muda.

**Sumber internet :**

- [www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my). Laman web Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014.  
 Statistik ibu tunggal di Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.  
 Usahawan sukces (Mei-Jun 2000)."Usahawan Melayu sanggup hadapi Perubahan struktur Ekonomi"  
 Definisi ibu tunggal. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, 2011

## KAJIAN KEBOLEHLAKSANA PENGGUNAAN DIGITAL TRAINER FOR DEE2034- DIGITAL ELECTRONICS DI KALANGAN PELAJAR JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

**Nor Hidayah bt Abdul Shukor<sup>1</sup>, Nurzaliza bt Ghazali<sup>1</sup>, Nurul Fazura bt Abdul Hamid<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Electrical Engineering Department,  
Politeknik Sultan Azlan Shah

[nor\\_hidayah@psas.edu.my](mailto:nor_hidayah@psas.edu.my), [nurzaliza@psas.edu.my](mailto:nurzaliza@psas.edu.my), [nurulfazura@psas.edu.my](mailto:nurulfazura@psas.edu.my)

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* yang telah dibangunkan oleh pensyarah boleh digunakan sebagai ABBM dan dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Penyelidikan ini adalah satu kajian kes berbentuk deskriptif dan inferensi. Seramai 61 orang pelajar yang mengambil kursus Digital Electronics dipilih secara tidak rawak sebagai responden untuk kajian ini. Satu set borang soal selidik diedarkan bagi mendapatkan data kajian. Dua elemen yang yang dinilai oleh pelajar adalah dari aspek rekabentuk dan kebolehlaksana penggunaannya. Dapatan kajian menunjukkan rekabentuk dan kebolehlaksana *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* dapat mempermudahkan proses amali pelajar bagi kursus Digital Electronics di JKE PSAS. Ini jelas menunjukkan bahawa *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* ini adalah bersesuaian yang mana penggunaan *trainer* ini dapat menjimatkan masa kerana keadaan protobord yang mudah alih membolehkan beberapa litar dipasang pada satu-satu masa.

**Keywords:** Digital Trainer, rekabentuk, kebolehsanaan

**1.0 Pengenalan**

Kursus DEE2034-Digital Electronics merupakan kursus teras di JKE, di mana iaanya wajib diambil oleh semua pelajar semester 2. Sesi amali yang diperuntukkan setiap minggu ialah selama 2 jam di Makmal Elektronik. Pelajar-pelajar perlu menyiapkan 6 amali sepanjang semester iaitu *Fundamental And Combination Logic Gates, Boolean Expression & Karnaugh Map, Data Processing Circuit, Flip-Flop, Synchronous And Asynchronous Counters* dan *Shift Register*. Pelajar-pelajar akan membuat amali dengan memasang dan menguji litar menggunakan *Digital Trainer* yang telah disediakan di Makmal Elektronik. Antara ciri-ciri *trainer* yang sediada ini ialah mempunyai isyarat masukan 5V, 8 keluaran LED, 8 suis dan *protoboard* yang telah siap di pasang pada trainer tersebut.

Pensyarah JKE, PSAS telah membangunkan inovasi yang diadaptasi daripada *Digital Trainer* yang sedia ada dengan penambahbaikan mengikut kesesuaian helaian amali yang telah dibina. *Trainer* baru ini dinamakan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* bagi membantu pelajar membuat ujian amali kursus DEE2034- Digital Electronics. Trainer ini mempunyai ciri-ciri bekalan kuasa 5V, 16 LED , 16 suis, 4 terminal *pulse switch* dan *protoboard* yang mudahalih.

Kajian kesesuaian penggunaan *Digital Trainer For DEE2034- Digital Electronics* di kalangan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah dilaksanakan untuk melihat